

PM adakan pertemuan khas dengan mufti 30 Jun ini

UM JUN 2000

KUALA LUMPUR 25 Jun — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan mengadakan pertemuan khas dengan semua mufti negeri di Putrajaya pada 30 Jun ini.

Bagaimanapun, tujuan utama serta isi kandungan sebenar perjumpaan tersebut tidak dapat dipastikan tetapi dijangka berkisar mengenai usaha menyatupadukan semula umat Islam.

Maklumat

Mufti Negeri Pahang, Datuk Sulaiman Ahmad ketika dihubungi oleh Utusan hari ini mengesahkan beliau ada menerima surat yang memintanya menghadiri perjumpaan tersebut.

Sulaiman menjelaskan, beliau tidak mengetahui apa yang hendak dibincangkan oleh Perdana

Menteri dengan mufti-mufti negeri dalam pertemuan itu kelak.

Turut mengesahkan mengenai 'arahan' pertemuan tersebut ialah Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Hashim Yahya, yang turut memberitahu beliau tidak pasti apa yang akan disampaikan oleh Dr. Mahathir.

Hashim turut menafikan pertemuan tersebut adalah perjumpaan biasa yang berjadual dengan Perdana Menteri.

"Ini mungkin bukan pertemuan biasa tetapi pertemuan khas dengan semua mufti negeri... kenapa ia diadakan saya tidak tahu," tambahnya.

Sementara itu, kedua-dua mufti tersebut memberitahu bahawa mereka belum menerima sebarang surat dari Pergerakan Pemuda UMNO yang dilaporkan ingin me-

ngadakan pertemuan dengan semua mufti negeri.

Dalam laporan agensi *Bernama* hari ini, Naib Ketua Pemuda UMNO, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir dilaporkan berkata, pihaknya akan menemui semua mufti negeri bagi rnendapatkan maklumat mengenai penggunaan perkataan 'Islam' pada pertubuhan politik.

Cadangan

Menurut Abdul Aziz, inisiatif tersebut adalah berikutan cadangan yang dikemukakan oleh Pemuda UMNO Terengganu dan Kelantan.

"Ada banyak parti politik di negara ini tetapi hanya Pas yang menggunakan perkataan 'Islam' pada nama parti," tambah Abdul Aziz.